

TARIKH	SABTU, 11 MEI 2024
AKHBAR	THE STAR
TAJUK ARTIKEL	LIPIS LOKASI PROJEK RINTIS NR-REE
M/S	33
BIDANG	RARE EARTH
KATA KUNCI	NR-REE, LIPIS, PAHANG

Lipis lokasi projek rintis NR-REE

KUANTAN: Pahang memperuntukan kira-kira 220 hektar kawasan di Sungai Wang, Mukim Hulu Jelai, Lipis bagi Projek Perintis Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE).

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, kelulusan projek telah diputuskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Ke-13/2024 pada 3 April lalu.

Kata beliau, pemilihan kawasan susulan lawatan kerja ke tapak Projek Perintis NR-REE di Mukim Kenering, Hulu Perak, Perak pada 25 September tahun lalu.

“Lawatan bertujuan melihat dan mempelajari teknik perlombongan NR-REE yang dilakukan tanpa menjejaskan alam sekitar.

“Susulan itu, kerajaan negeri sudah mengenal pasti kawasan berpotensi untuk dijadikan Projek Perintis NR-REE ini,” katanya di Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang ke-15 di Wisma Sri Pahang di sini.

Wan Rosdy menjawab pertanyaan Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (PN-Cheka) berkaitan kesediaan kerajaan untuk perlombongan bahan nadir (REE) di Pahang sebagai sumber pendapatan negeri.

Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri dalam peringkat pemurnian fasa akhir prosedur

operasi standard (SOP) Perlombongan NR-REE Pahang diterajui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang (PTG) dan Pahang Mining Corporation (PMC) sebelum diangkat untuk pertimbangan dan keputusan pihak berkuasa negeri.

“Kerajaan negeri mengamalkan sikap terbuka kepada mana-mana pelabur sektor perlombongan untuk menjalankan eksplorasi NR-REE di Pahang. Kita juga bersedia menawarkan kerjasama bagi pembukaan kilang memproses NR-REE di Malaysia, khususnya di Pahang,” ujarnya.

Menjawab soalan tambahan Khairulnizam Mohmas Zuidin (BN-Kemayan) berkaitan kaedah perlombongan yang tidak menjejaskan alam sekitar, beliau berkata, berdasarkan lawatan di Mukim Kenering, kaedah yang digunakan di situ didapati tidak begitu menjejaskan alam sekitar.

“Nak kata kosong (menjejaskan) itu tidaklah. Tetapi contohnya kalau kawasan tersebut 200 ekar (80 hektar), mungkin 10 ekar (empat hektar) sahaja yang terjejas kerana akan ada sedikit penebangan. Kemudian perlombongan ini sangat minima dan tidak dibuat sesuka hati. Ia terkawal serta dipantau setiap masa,” katanya.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM